0654
U 8475 BAH
MAHATHIR - SESAT 0 0 0

KELANA JAYA, 23 NOV (BERNAMA) -- PERHATIAN HARUS DIBERIKAN KEPADA USAHA MEMBENDUNG GEJALA AJARAN SESAT DI NEGARA INI SUPAYA IA TIDAK MENCAPAI TAHAP YANG KRITIKAL, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+JIKA KITA TIDAK MENGAMBIL PERHATIAN, IA MUNGKIN BERKEMBANG HINGGA MENCAPAI TAHAP +CRITICAL MESS+ DAN PADA KETIKA ITU KITA TIDAK BOLEH BUAT APA-APA LAGI,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN IJTIMAK ULAMA YANG KELIMA DI KOMPLEKS JEMAAH HAJI DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA DIMINTA MENGULAS MENGENAI GEJALA AJARAN SESAT DI NEGARA INI SEKARANG SERTA LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN UNTUK MENGATASINYA.

DALAM UCAPAN PERASMIANNYA SEBELUM ITU, BELIAU MENYENTUH SOAL GEJALA TERSEBUT TANPA MENAMAKAN NAMA-NAMA KUMPULAN. BELIAU JUGA ENGGAN MENAMAKAN KUMPULAN ITU APABILA DIMINTA BERBUAT DEMIKIAN OLEH PEMBERITA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK BOLEH BERTINDAK KE ATAS HAL-HAL YANG BERKAITAN DENGAN KEAGAMAAN MELAINKAN GOLONGAN KEAGAMAAN SENDIRI SEDAR SERTA MENGAMBIL LANGKAH MENGATASINYA. -- LAGI
1143MST 23 11 88

0661
U 8476 BAH
MAHATHIR - SESAT 2 KELANA JAYA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KESESATAN YANG BERLAKU DI KALANGAN UMAT ISLAM IALAH KERANA MEREKA (UMAT ISLAM) MUDAH MENERIMA SESEORANG SEBAGAI ULAMA.

+SEMENTARA KITA MENGAKUI DAN MENERIMA BAHAWA PARA ULAMA MEMPUNYAI KEDUDUKAN YANG MULIA, KITA TIDAK BOLEH DENGAN MUDAH MENERIMA SESIAPA SAHAJA SEBAGAI ULAMA KERANA DIA MENDAKWA DIRINYA SEBAGAI IMAM MAHADI ATAU SAHABATNYA ATAU BOLEH BERTEMU DENGAN NABI DI ALAM GHAIB.

+MASYARAKAT ISLAM HARUS BERHATI-HATI BERKENAAN DENGAN DAKWAAN SESEORANG BAHAWA IA ADALAH ULAMA,+ KATANYA.

BELIAU SETERUSNYA MEMBIDAS KUMPULAN YANG, MENURUTNYA, SUDAH +PANDAI-PANDAI+ MEMBENTUK DAN MEMPERALATKAN PENGARUH AGAMA UNTUK MAKSUD-MAKSUD TERTENTU SUNGGUHPUN BARU MENGENALI BEBERAPA ASPEK AGAMA.

+OLEH KERANA TOPENG AGAMA MENYELAMATKAN MEREKA DARIPADA TEGURAN, SEKARANG INI MEREKA MENJADI BEGITU ANGKUH SEHINGGA MENDAKWA MEREKA LEBIH LAYAK MENTADBIR HAL-HAL AGAMA DI NEGARA INI,+ KATANYA. -- LAGI
1207MST 23 11 88

0679

U 8485 BAH

MAHATHIR - SESAT 3 KELANA JAYA

KUMPULAN ITU, KATANYA, MENTAFSIR ISLAM MENURUT KEHENDAK MEREKA SEHINGGA AKIDAH ANGGOTA KUMPULAN MEREKA DISELEWENGKAN.

KUMPULAN ITU JUGA, KATANYA, ANGKUH DENGAN KEJAYAAN MEREKA DALAM MEMPENGARUHI GOLONGAN TERTENTU, TERUTAMANYA WANITA, HINGGA MENGGANGGU PELAJARAN PENUNTUT-PENUNTUT SERTA MENYESATKAN KEFAHAMAN AGAMA MEREKA SUPAYA MENURUTI KEHENDAK KUMPULAN.

DALAM PADA PARA PEMIMPIN KERAJAAN BERUSAHA MENGEKALKAN PERPADUAN UMAT, KATA PERDANA MENTERI, KUMPULAN ITU MENONJOLKAN +ISU USANG+ YANG PERNAH MENGELIRUKAN MASYARAKAT SEMENJAK BERABAD-ABAD LEPAS SEPERTI TARIKAT-TARIKAT YANG KABUR, TARIKH KIAMAT SERTA MENGENAI KEBANGKITAN IMAM MAHADI.

HAL-HAL TERSEBUT, KATANYA, BUKANLAH PERSOALAN YANG BOLEH DITENTUKAN OLEH SESIAPA DAN SEJARAH TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA KESILAPAN MEMAHAMI HAL ITU TELAH MENYEBABKAN ROSAK AKIDAH DI SAMPING PERPECAHAN DI KALANGAN MASYARAKAT.

+TELAH BEBERAPA KALI ORANG ISLAM DI NEGARA-NEGARA TERTENTU BINASA KERANA DAKWAAN KONONNYA ORANG ITU DAN ORANG INI MEMPUNYAI MAKLUMAT YANG TIDAK MUNGKIN DIKETAHUI OLEH SESIAPA,+ KATANYA. -- LAGI

1255MST 25 11 88

U 0486 BAH
MAHATHIR - SESAT 4 KELANA JAYA

ULAMA PULA, KATANYA, HENDAKLAH SENTIASA MEMBERI KEFAHAMAN KEPADA MASYARAKAT BAHAWA PEGANGAN AKIDAH ISLAMIAH YANG KUKUH ADALAH ASAS KEIMANAN YANG SEBENAR.

+SETIAP UMAT ISLAM HARUSLAH MEMAHAMI CIRI-CIRI AJARAN ISLAM SUPAYA TIDAK MUDAH DIPENGARUHI OLEH AJARAN-AJARAN SESAT DAN KARUT,+ KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA ISLAM TIDAK BOLEH DIAMBIL DALAM BENTUK SERPIHAN DENGAN MENGUTAMAKAN HANYA BEBERAPA CIRI YANG DIKIRA SESUAI DENGAN KEHENDAK NAFSU SEMATA-MATA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYENTUH MENGENAI SUMBANGAN ULAMA MASA SILAM, TERUTAMANYA KETIKA DI BAWAH PENJAJAH. KATANYA, PERANAN MEREKA SUNGGUH BERKESAN (KETIKA ITU) HINGGA TIDAK SEORANGPUN ORANG MELAYU YANG MENINGGALKAN ISLAM SELAMA TEMPOH PENJAJAHAN ITU.

KATANYA, TRADISI KEILMUAN YANG DIWARISI DARIPADA ULAMA DAN TUAN GURU SEBELUM MERDEKA IALAH MEREKA MENYEBARKAN AJARAN ISLAM BUKAN ATAS DESAKAN SEMANGAT KELOMPOK ATAU KUMPULAN DAN TIDAK PULA UNTUK MENCARI PENGARUH, POPULARITI ATAU KEPENTINGAN DIRI.

MEREKA, KATANYA, MENGUTAMAKAN KEIKHLASAN DALAM MENJALANKAN TUGAS DAN SENTIASA MENGELAKKAN PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MENIMBULKAN KEKELIRUAN DALAM MASYARAKAT. -- LAGI

1257MST 25 11 88

0681

U 0487 BAH
MAHATHIR - SESAT 5 KELANA JAYA

+DENGAN ITU KITA MENDAPATI PARA ULAMA DAHULU TIDAK MENONJOLKAN SOAL SERBAN, JUBAH, PURDAH, IMAM MAHADI ATAU POLIGAMI SEBAGAI TANDA KEISLAMAN.

+MASYARAKAT DENGAN MUDAH MENERIMA APA YANG DISAMPAIKAN OLEH ULAMA KETIKA ITU KERANA MEREKA MENYAMPAIKAN AJARAN MENGIKUT SATU MAZHAB DAN SATU TAFSIRAN YANG TIDAK MENGELIRUKAN DAN TIDAK MENYEBABKAN BERLAKUNYA KONFLIK,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENYATAKAN KEKAGUMANNYA TERHADAP SATU LAGI PERANAN ULAMA PADA MASA ITU IAITU MENGGEMBLENG SEMANGAT CINTAKAN TANAH AIR DAN INGIN MEMERDEKAKAN NEGARA, YANG DISEMAI DI SEKOLAH-SEKOLAH RAKYAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MEMINTA GOLONGAN ULAMA SUPAYA MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK GOLONGAN PELAPIS DI KALANGAN MEREKA BAGI MENGHADAPI CABARAN MASA DEPAN.

SERAMAI 100 ORANG ULAMA TEMPATAN MENGHADIRI IJTIMAK SELAMA TIGA HARI ANJURAN YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM) ITU. YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR YUSOF NOOR, DAN MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM.

ENCIK ANWAR KEMUDIANNYA MEMBENTANGKAN KERTAS KERJA BERTAJUK +PERPADUAN UMAT: CABARAN DAN PENYELESAIANNYA+. SELAIN KERTAS KERJA ENCIK ANWAR, DUA KERTAS KERJA LAIN AKAN DIBENTANGKAN IAITU OLEH KETUA AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA, PROF DATUK OTHMAN ISHAK DAN ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM KELANTAN, ENCIK UTHMAN AL-MUHAMMADY. -- BERNAMA

1300MST 25 11 88